



## **IBU PEJABAT JPS MALAYSIA**



### **SURAT PEKELILING JPS Bil 5/2009**

#### **PENGGUNAAN BORANG KONTRAK JKR PINDAAN 2007**

##### **1.0 TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk menguatkuasakan penggunaan Borang Kontrak JKR Pindaan 2007 dalam semua projek yang akan dilaksanakan oleh JPS bagi mengganti Borang Kontrak JKR yang sedang digunakan sekarang.

##### **2.0 LATAR BELAKANG**

Borang kontrak JKR siri 203 disediakan pada tahun 1983 bagi Kontrak Konvensional yang digunapakai pada masa sekarang dalam pengurusan kontrak manakala Borang Kontrak JKR DB bagi Kontrak Reka dan Bina diperkenalkan pada tahun 2002 dan sedang digunapakai di JPS. Sepanjang penggunaan Borang-Borang Kontrak ini, banyak kelemahan, kekurangan dan perkara-perkara yang kurang jelas dikenalpasti oleh Agensi-Agensi Kerajaan dan Kontraktor yang menggunakannya. Perubahan-perubahan dalam prosidur tertentu yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia menyebabkan Addendum kepada Borang Kontrak terpaksa digunakan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Malaysia melalui JKR telah mengeluarkan Borang Kontrak JKR Siri 203 dan JKR DB yang baru bagi menggantikan Borang Kontrak JKR Siri 203 Semakan 10/83 dan Borang Kontrak JKR DB 2002. Borang kontrak yang baru dikeluarkan dalam versi Bahasa Inggeris adalah seperti berikut:-

- i) Standard Form of Contract PWD 203 (Rev. 2007)
- ii) Standard Form of Contract PWD 203A (Rev. 2007)
- iii) Standard Form of Contract PWD DB (Rev. 2007)
- iv) Standard Form of Contract PWD 203N (Rev. 2007)
- v) Standard Form of Contract PWD 203P (Rev. 2007)

Versi Bahasa Malaysia masih belum dikeluarkan lagi buat masa ini.

### 3.0 KAEDAH PENGGUNAAN

- i) Borang Kontrak JKR Semakan 2007 yang berkaitan ini hendaklah dimasukkan dalam dokumen tender untuk setiap projek yang belum ditender.
- ii) Bagi projek-projek rundingan harga secara terus dengan kontraktor, pihak kontraktor hendaklah dimaklumkan berkenaan penggunaan borang baru ini sebelum harga dimuktamadkan.
- iii) Sehubungan dengan itu, semua borang-borang piawai yang digunakan dalam pentadbiran kontrak semasa kini perlu dikemaskinikan supaya merujuk kepada klausa berkaitan mengikut Borang Kontrak baru. Borang-borang yang sedang dikemaskinikan adalah seperti di **Lampiran A** dan akan dikeluarkan dalam sedikit masa lagi selepas versi yang baru diterima daripada pihak JKR.
- iv) Borang-borang Kontrak JKR semakan 2007 ini boleh dimuat turun dari laman web berikut **[http://kontrak.water.gov.my/division/qs/brg\\_std1.htm](http://kontrak.water.gov.my/division/qs/brg_std1.htm)**

#### 4.0 KUATKUASA DAN PEMBATALAN

- 4.1 Arahan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan dan terpakai untuk semua jenis kontrak pembinaan yang digunapakai di JPS yang masih belum ditender atau dimuktamadkan rundingan harganya.
- 4.2 Semua borang-borang pentadbiran kontrak yang dikeluarkan dalam surat-surat pekeliling JPS sebelum ini perlu diganti dengan borang-borang baru yang telah dikemaskini. Sementara menunggu borang-borang yang baru, borang-borang sediaada boleh digunakan dengan pindaan yang sewajarnya.
- 4.3 Sebarang pertanyaan dan penjelasan tentang borang-borang baru ini hendaklah dirujuk kepada pegawai-pegawai di Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Ibu Pejabat JPS Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“CINTAILAH SUNGAI KITA”**



**(DATO' IR HJ AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)**  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
Malaysia.

24 Jun 2009